

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK TS. DR.  
HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

**NAIB CANSOLOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS MAKAN MALAM UiTM's EMBRACING  
CHALLENGES**

**&**

**MAJLIS SANJUNGAN BUDI, SEINDAH KENANGAN**

**10 FEBRUARI 2023 | JUMAAT**

**MELAKA**

**Assalamualaikum dan Salam sejahtera,**

**[SALUTASI]**

**Yang Berusaha Barisan ahli MEU**

**Yang diraikan,**

- YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Abu Shah
- YBhg. Datuk Mohaiyani Syamsuddin
- YBrs. Puan Norashekin Yusof

Serta,

- YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Haji Ibrahim

dan

- **Para hadirin yang dikasihi sekalian.**

1. Marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Yang Maha Esa kerana dengan limpah izin-Nya, kita dapat berkumpul di sini.

2. Untuk makluman para hadirin semua, kita di sini bermula pada 8 Februari sehingga 11 Februari 2023 adalah bagi merealisasikan Program UiTM's Embracing Challenges: Globally Marketable University.

3. Alhamdulillah. Program yang dirancang sehingga hari ini berjalan lancar sebagaimana yang telah ditetapkan. Pada kesempatana ini, bersempena dengan Majlis Makan Malam UiTM's Embracing Challenges ini, kita turut mengadakan **Majlis Sanjungan Budi, Seindah Kenangan** bagi meraikan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, UiTM iaitu **Yang Berbahagia Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Abu Shah** yang akan tamat lantikannya pada hari ini. Turut diraikan adalah mantan ahli-ahli LPU iaitu **Yang Berbahagia Datuk Mohaiyani Syamsuddin, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji**

**Irmohizam Haji Ibrahim** serta **Yang Berusaha Puan Norashekin Yusof**.

4. Saya dan semua warga UiTM mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Mantan Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang diraikan di atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan kepada Universiti.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

5. Tan Sri Dr. Ibrahim yang merupakan anak kelahiran Melaka, telah memulakan kerjayanya sebagai Pensyarah dalam Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang pada 1975 dilantik sebagai Naib Canselor Kedua UiTM bagi tempoh sembilan tahun bermula pada 1 Januari 2001. Nama beliau sangat sinonim dengan UiTM. Beliau merupakan pejuang dalam pendidikan anak bangsa demi pembangunan sosio ekonomi bumiputera.

6. Berbekalkan pengalaman luas dalam dunia pendidikan di negara ini, pastinya beliau berusaha sebaik mungkin untuk meneruskan kegemilangan UiTM dalam usaha membantu anak Bumiputera mendapat pendidikan tertinggi dan menghasilkan profesional bersaing di dalam dan luar negara.

7. Universiti juga disokong dengan kepakaran yang dimiliki oleh ahli LPU yang lain. Dato' Sri Dr. Irmo juga sinonim namanya dengan UiTM. Beliau merupakan alumni MBA dari AAGBS jurusan Pentadbiran Perniagaan dan berpengalaman sebagai Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya juga telah banyak membantu dalam memberikan nasihat dalam hal ehwal yang berkaitan kepakaran beliau.

8. Manakala, Datuk Mohaiyani yang saya kenali, arif dalam hal ehwal kewangan. Beliau sangat membantu dalam memberikan nasihat dan pandangan berkaitan dengan hala tuju dan visi misi UiTM.

9. Dan akhir sekali, yang kita juga raikan Puan Norashekin. Beliau berpengalaman dalam bidang

komunikasi korporat serta perhubungan awam menjadikan beliau mempunyai hubungan yang baik dengan pelbagai agensi seperti pihak media dan pelbagai agensi.

**Para hadirin yang saya hormati sekalian,**

10. Peranan dan fungsi LPU sangat penting dalam memastikan kemampunan tadbir urus Universiti. Sebagai Pengerusi dan Ahli LPU yang merupakan jawatankuasa tertinggi UiTM, mereka diberikan kepercayaan dalam memberikan nasihat dan pandangan Universiti. Mereka juga telah bertindak sebaik mungkin dalam menentu serta membuat keputusan berkaitan tindakan strategik terhadap dasar dan hala tuju dalam usaha mencapai matlamat yang sejajar dengan agenda pendidikan tinggi Negara.

11. Saya mewakili warga UiTM mengucapkan terima kasih kepada yang diraikan terutamanya Tan Sri untuk segala bantuan dan kerjasama yang diberikan.

12. Kami semua mendoakan agar semua yang diraikan akan dikurniakan kesihatan yang baik, terus diberkati serta mendapat rahmat dan redha Allah SWT di samping keluarga tercinta. Saya juga memohon kemaafan sekiranya terdapat sebarang kesalahan atau terguris hati sepanjang kita berinteraksi atau berkerjasama.

Akhir kata, terimalah dua rangkap pantun khas buat yang diraikan.

Negeri Melaka negeri terbilang

Tempat orang datang bercuti

Budi tuan tidak kan hilang

Sudah mesra di dalam hati

Bunga Anggerik dalam jambangan

Di bawa belayar ke Pulau Kemudi

Walau jauh dari pandangan

Budi dikenang kekal abadi

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**